

Jamiyah anjur Festival Muslim Singapura di Singapore Expo

Mar 28, 2019 | 05:30 AM



Kongsi



PROGRAM SELAWAT: Ustaz Zahid Zin (atas) bersama Habib Syech Abdul Qadir Assegaf dan Ustaz Nuzhan akan menyertai program Singapura Berselawat beramai-ramai mulai 6 petang esok, di Festival Muslim Singapura anjuran Jamiyah Singapura. - Foto fail.

SAMBUTAN Maulidur Rasul anjuran Jamiyah Singapura akan diadakan di Singapore Expo.

Perarakan Maulidur Rasul merupakan acara kemuncak yang akan dijalankan di Dewan 6.

Festival Muslim Singapura pada 29 Mac hingga 31 Mac ini akan membawa keunikan tersendiri dari aspek konsep dan persembahan Islamik.

Naib Presiden 2 Jamiyah, Encik Mohamed Yunos Mohamed Shariff, mengulas:

"Selama bertahun-tahun lamanya, Jamiyah Singapura sering mengadakan acara sambutan Maulidur Rasul di stadium.

"Kami juga sering mendengar maklum balas dari masyarakat Islam yang inginkan acara Maulid anjuran Jamiyah dipanjangkan masanya, maka tercetuslah konsep sambutan Maulid yang diberi nama Festival Muslim Singapura dengan diadakan di Singapore Expo."

Inisiatif acara ini juga diambil ketika Majlis Tertinggi Jamiyah yang dipimpin oleh Presiden Dr Mohd Hasbi telah ke Canada untuk mempelajari konsep serta pendekatan yang berbeza oleh masyarakat Islam di sana ketika mengadakan acara Islamik.

Festival ini akan disemarakkan melalui acara ilmu, persembahan nasyid, acara berselawat dan ceramah oleh penceramah setempat serta luar negara .

Artis dari Singapura dan luar negara seperti kumpulan nasyid Deen Squad dari Canada yang mempunyai jutaan peminat di seluruh dunia, akan turut hadir.

Bagi acara ilmu untuk masyarakat India Muslim, Jamiyah membawa pensyarah terkemuka dari India seperti Dr Fajilah Azad, Sultanah Parveen, Dr Satheethudeen Baqavi dan ramai lagi.

Lebih daripada 100 gerai akan memperkenalkan pelbagai perniagaan termasuk makanan halal dan fesyen.

Bagi pengunjung yang membawa anak-anak kecil, permainan bouncy castle turut disediakan.

Antara program termasuk:

- + Acara Singapura Berselawat beramai-ramai oleh Habib Syech Abdul Qadir Assegaf, Ustaz Zahid Zin dan Ustaz Nuzhan pada 29 Mac dari 6 petang.
- + Forum Muslimah yang membawa panelis Indonesia terkenal Ustazah Oki Setiana Dewi pada 29 Mac 1.30 petang.
- + Forum pada malam hari, Jumaat, 29 Mac, bertajuk 'Inspirasi Keluarga Al-Siddiq' oleh Moderator Ustaz Jalaludin Hassan, panelis Ustaz Zul Ramli dan Ustazah Oki Setiana Dewi.

- + Acara Singapura Berselawat pada 30 Mac dari 9 pagi oleh Habib Syech Abdul Qadir Assegaf
- + Ceramah Motivasi: Celik Hati, Reset Minda oleh Profesor Dr Muhaya Muhammad pada 30 Mac dari 11pagi.
- + Persembahan kumpulan nasyid Rabbani pada Sabtu 30 Mac pada jam 8 malam.
- + Forum 'Lafazkan Kalimah Cintamu' oleh Moderator Ustaz Suhaimi Fauzi, Dr Fazillah Kamsah dan Profesor Dr Nasarudin Omar pada 30 Mac, 8 malam.
- + Pada 31 Mac, 10 pagi ceramah berjudul 'Secangkir Kasih' oleh Ustazah Dato Siti Norbahyah Mahmood dan Ustaz Wan Akasyah Wan Abdul Hamid, diadakan.
- + Ceramah kekeluargaan pada 31 Mac, 11.45 pagi oleh Dr Fazillah Kamsah dengan tajuk Soal Jawab Isu Kekeluargaan
- + Pada 1.30 petang pada 31 Mac pula, 'Sembang Kathira' bersama Dato Adi Putra, Dato Aaron Aziz dan Imam Muda Hizbur.
- + Pada sebelah malam, acara kemuncak 'Malam Sinar Maulidurrasul' pada 31 Mac iaitu konsep Nasyid, Sketsa dan Syaran yang akan dipersembahkan oleh Kumpulan Rabbani, Ustazah Dato Siti Norbahyah Mahmood dan Ustazah Iman Farrar.

Jamiyah juga mengalu-alukan derma serta sumbangan bagi keluarga-keluarga miskin dan susah melalui usaha 'bank makanan' serta sumbangan Giro untuk membantu urusan dakwah.

Layari Facebook/ Singapore Muslim Fest (SMP) 2019; Instagram di #sgmuslimfest serta www.sgmuslimfest.sg